

قُلْ بِرَوْحَةٍ

PETIKAN TITAH

"BETA suka meningkatkan, bahawa perbuatan menghina Nabi atau menghina ugama dalam apa pun bentuknya adalah tidak akan ada titik noktahnya selama mana ada matahari dan bulan.

Tinggal sahaja, kita amat perlu waspada dan bijaksana menghadapinya. Kita umat Islam tidak usahlah hilang punca, tetapi yang penting, suburkan ilmu ugama di dada dan mintalah kepada Allah supaya Dia menetapkan iman, agar kita tidak terpedaya dengan agenda-agenda jahat oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab."

- Titah Sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-7 Tahun 2012.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Waktu Sembahyang

IMSAK SUBUH SYURUK DUHA ZUHUR ASAR MAGHRIB ISYAK
4.59 5.09 6.31 6.55 12.28 3.50 6.23 7.37

TAHUN 64 / BILANGAN 4

9 JANUARI 2019 / 1440 3 جمادى الاول

JABATAN PENERANGAN

Daerah Belait ditambah 3 Minit
dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

EDISI RABU / PERCUMA

مانیسش ایمان

MANISNYA IMAN

"WAHAI orang-orang yang beriman! Apabila dikatakan kepada kamu : lapangkan tempat duduk di majlis-majlis (untuk orang lain), maka lapangkanlah, nescaya Allah memberi kelapangan untuk kamu. Dan apabila dikatakan : berdirilah, hendaklah kamu berdiri, nescaya Allah meninggikan orang-orang yang beriman antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama beberapa derajat. Dan Allah Maha Teliti terhadap apa yang kamu kerjakan."

- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Mujadilah, ayat 11).

Lapan tahun penubuhan, AMBD menepati pasaran kewangan



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

MENTIRI, Selasa, 8 Januari. - Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) mencapai ulang tahun kelapan. Sehubungan itu, Majlis Doa Kesukuran bagi memperingati penubuhannya diadakan di Masjid Hassanal Bolkiah, Kampung Perpindahan Mentiri di sini.

Hadir menyerikan majlis berkenaan ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong yang juga selaku Timbalan Pengurus Lembaga Pengarah AMBD dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud.

Juga hadir, Peguamcara Negara di Pejabat Peguam Negara, Dayang Zuraini binti Haji Sharbawi dan Pengarah Urusan AMBD, Awang Yusof bin Haji Abd. Rahman serta para pegawai dan kakitangan AMBD.

Ke muka 3

MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong (tengah) selaku Timbalan Pengurus Lembaga Pengarah Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud (dua, kanan) hadir pada Majlis Doa Kesukuran bagi memperingati ulang tahun penubuhan AMBD yang diadakan di Masjid Hassanal Bolkiah, Kampung Perpindahan Mentiri.

Utamakan kebajikan dan kesejahteraan OKU

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 Januari. - Usaha-usaha berterusan seperti sistem pendidikan yang inklusif, pemberian pencen dan elau kurang upaya, program-program kemahiran termasuk perkhidmatan dalam komuniti serta pelancaran satu Garispandu Rekabentuk Bagi Orang Kelainan Upaya (OKU) Negara Brunei Darussalam oleh pihak Kementerian Pembangunan pada bulan November 2018 menunjukkan komitmen tinggi semua pihak di negara ini dalam mengutamakan kebajikan dan kesejahteraan orang kelainan upaya sepanjang masa.

Ke arah itu, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) juga komited dalam

merealisasikan satu pusat yang akan menempatkan Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya (MKOKU) bersama semua persatuan yang menjaga kesejahteraan golongan OKU.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejaz Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin semasa Majlis Forum Sempena Sambutan Hari Antarabangsa OKU bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Apa yang turut penting tambah Yang Berhormat, adalah komitmen yang berterusan untuk terus mencetus dan melaksanakan idea-idea kreatif dalam pemerkasaan dan kesejahteraan golongan OKU termasuk melalui pemberian program-program yang

disediakan di Pusat Bahagia.

Di samping itu katanya, Pusat Pembangunan Belia juga akan merancang program-program khusus bagi warga OKU yang bertujuan untuk meningkatkan peluang pekerjaan bagi mereka bermula tahun ini.

Menyentuh mengenai komitmen kerajaan di peringkat antarabangsa, Yang Berhormat berkata, perjuangan hak OKU telah dibuktikan apabila Negara Brunei Darussalam meratifikasi United Nation Convention on Rights of Persons with Disabilities pada 11 April 2016 yang mana merupakan penanda di perhatian dunia bahawa negara ini sentiasa komited terhadap golongan OKU dan sentiasa berusaha untuk melibatkan mereka dalam arus kemajuan negara.

Ke muka 3

IKUTI KAMI DI



APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN



Muka 5

Tambah nilai pencapaian JPA



Muka 6

MUIB bantu ringankan beban mangsa rumah roboh dan kebakaran

BSB penuhi kriteria sebagai Bandar Raya Kebudayaan Islam

Bismillahir Rahmani Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan salam Sejahtera

ALHAMDULILLAH, terlebih dahulu peramba / kaola / saya bagi pihak Jawatankuasa Pandu Bandar Seri Begawan sebagai Ibu Negara Kebudayaan Islam bagi rantau Asia 2019 dengan penuh hormat dan takzim sukacita menyembangkan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas Titah Perkenan baginda bagi penubuhan Jawatankuasa Pandu Bandar Seri Begawan sebagai Ibu Negara Kebudayaan Islam bagi rantau Asia, 2019.

Dalam kesempatan ini, peramba / kaola / saya juga merakamkan setinggi menjunjung kasih dan ribuan terima kasih atas keberangkatan dan kehadiran Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia. Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan selaku Penasihat; Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Timbalan Pengerusi Bersama; Yang Mulia Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei; Yang Mulia Setiausaha Tetap-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, pengiran-pengiran, tuan-tuan dan puan-puan ke Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Pandu Bandar Seri Begawan Sebagai Ibu Negara Kebudayaan Islam bagi Rantau Asia, 2019 pada petang ini. Setinggi-tinggi tahniah turut dirakamkan di atas lantikan Yang Berhormat Pehin, Yang Mulia Timbalan-Timbalan Pengerusi Bersama dan para Ahli dalam menganggotai Jawatankuasa Pandu ini.

Sebagai latar belakang ringkas, sukacita dimaklumkan bersama bahawa Jawatankuasa Pandu ini bertujuan untuk membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan persediaan Bandar Seri Begawan sebagai Ibu Negara Kebudayaan Islam bagi rantau Asia yang berkenaan. Peramba / kaola / saya amat yakin, kita akan mengungkayahkan amanah yang diberikan ini dengan sepenuhnya sebagai satu pasukan, terutamanya dalam sumbangan buah fikiran, usaha dan tenaga demi untuk menjayakan segala persediaan dan pelaksanaan Bandar Seri Begawan sebagai Ibu Negara Kebudayaan Islam bagi rantau Asia, 2019.

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan Rahmat dan izin-Nya jua, Bandar Seri Begawan telah dipilih sebagai Ibu Negara Kebudayaan Islam bagi rantau Asia untuk



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejaz Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin semasa berucap pada Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Pandu Bandar Seri Begawan Sebagai Ibu Negara Kebudayaan Islam Bagi Rantau Asia 2019 pada Khamis, 23 Safar 1440H / 1 November 2018M bertempat di Dewan Di-Gadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

tahun 2019 bersama dengan bandar-bandar di rantau Arab dan rantau Afrika, iaitu Tunis, Republik Tunisia dan Bissau, Republik Guinea semasa persidangan Islamic Conference of Culture Ministers (ICCM) yang Ke-9 pada 2 hingga 4 November 2015 di Muscat, Oman. Secara khususnya, pengiktirafan ini adalah satu penghormatan yang amat tinggi nilainya bagi Bandar Seri Begawan dan merupakan satu mercu tanda penting yang bersejarah bagi Negara Brunei Darussalam secara amnya.

Sukacita dikongsikan bahawa inisiatif ini adalah di bawah Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Islam (ISESCO) dalam mana Negara Brunei Darussalam telah menjadi ahli sejak tahun 1985. Sejak inisiatif ini dimulakan pada tahun 2005, pemilihan Bandar Seri Begawan merupakan kali ketiga bandar di Asia Tenggara dipilih untuk menjadi Ibu Negara Kebudayaan Islam bagi rantau Asia berikutnya Kuala Lumpur, Malaysia pada tahun 2009 dan Jakarta, Indonesia pada tahun 2011.

Pemilihan ini juga mempunyai nilai tambah yang bermakna bagi Negara Brunei Darussalam dan ASEAN memandangkan Bandar Seri Begawan juga telah diisytiharkan sebagai ASEAN

City of Culture dari tahun 2016 hingga 2018. Ini mencerminkan status Asia Tenggara sebagai rantau yang mempunyai sejarah dan kebudayaan Islam yang sehebat seperti rantau yang lain. Apa yang turut istimewa, bandar-bandar yang telah dipilih sebagai Ibu Negara Kebudayaan Islam bagi tahun 2019 akan mendapat penghormatan unik sebagai Bandar Raya Kembar (Twin City) kepada bandar Al-Quds Al-Sharif.

Peramba / kaola / saya turut berpandangan bahawa pemilihan Bandar Seri Begawan sebagai Ibu Negara Kebudayaan Islam bagi rantau Asia 2019 adalah sinonim kepada status Negara Brunei Darussalam sebagai negara Melayu Islam Beraja (MIB). Pengiktirafan ini adalah satu peluang keemasan untuk menonjolkan budaya dan nilai-nilai kehidupan sejarah kita yang berlandaskan kepada Falsafah MIB yang telah kekal diamalkan untuk lebih dari 600 tahun. Kita sendiri juga telah merasakan transformasi Bandar Seri Begawan dalam hubung kaitnya dalam merungkai sejarah tamadun bangsa. Oleh itu, berdasarkan sejarahnya yang gilang gemilang, serta kedudukannya yang strategik, Bandar Seri Begawan memenuhi kriteria pemilihan Bandar Raya Kebudayaan Islam seperti yang digariskan oleh ISESCO seperti berikut :

a. Yang pertama, mempunyai sejarah dan menunjukkan kecermerlangan kebudayaan (*cultural excellence*).

b. Yang kedua, menyumbang dalam memperkaya budaya Islam (*Islamic culture*) dan kemakmuran budaya manusia (*human culture prosperity*),

c. Yang ketiga, mempunyai mercu tanda ketemadunan (*civilizational landmarks*) dan institusi-insitusi kebudayaan; dan

d. Yang keempat, memperlihatkan minat dalam menganjurkan kegiatan kebudayaan, pesta buku, pameran, persempahan, forum dan sebagainya.

Dalam pada itu, peluang keemasan ini hendaklah diambil dengan sepenuhnya khususnya dalam mengetengahkan amalan sejarah orang-orang Brunei yang memang dan sudah sedia mengutamakan ajaran Ugama Islam di pelbagai peringkat. InsyaAllah, di samping pelaksanaan beberapa aktiviti dan program khusus pada tahun 2019, inilah peluang untuk mencerminkan Bandar Seri Begawan sebagai bandar Islam yang benar-benar tulen terutamanya kepada mata dunia dengan sentiasa mempraktikkan dan membanggakan Falsafah kita MIB.

Ke arah ini, mesyuarat pada petang ini akan mendengarkan beberapa cadangan ke arah pelaksanaan Bandar Seri Begawan Sebagai Ibu Negara Kebudayaan Islam. dan seterusnya akan membincangkan serta menetapkan beberapa kandungan dalam cadangan-cadangan berkenaan.

Ke muka 6

Dari Sidang Pengarang.

9 JANUARI 2019 BERSAMAAN 1440 3 جادی الأول

BERI INDUSTRI KREATIF SOKONGAN, PLATFORM UNTUK ASAHL GILAP BAKAT DAN POTENSI

INDUSTRI Kreatif merupakan salah satu industri yang berpotensi sangat besar ke arah menyumbangkan hasil pendapatan kepada sesebuah negara serta menghasilkan peluang pekerjaan.

Sebagai contoh ialah di United Kingdom. Merujuk laman sesawang www.thecreativeindustries.co.uk pada tahun 2017, industri kreatif negara tersebut mempunyai nilai tambah (*gross value added*) £101.5 bilion, iaitu kira-kira £11.5 juta setiap jam. Sementara itu, kira-kira 3.12 juta pekerjaan di negara itu juga adalah berkaitan dengan industri kreatif.

Sementara itu merujuk www.edb.gov.sg di negara jiran, Republik Singapura telah diiktiraf sebagai bandar pertama di Tenggara Asia sebagai bandar kreatif untuk rekaan (*creative city of design*) UNESCO. Di samping itu menurut Indeks Kreativiti Global Institut Martin Prosperity, negara ini di tangga kesembilan negara paling kreatif dan menurut www.todaysonline.com, pada tahun 2013, sektor reka negara berkenaan menyumbang kepada SGD\$2.13 bilion Keluaran Negara Dalam Kasar negara itu dan 30,000 orang bekerja di sektor tersebut.

Terma industri kreatif mula digunakan kira-kira dua dekad yang dulu melibatkan pelbagai aktiviti seperti teater, tarian, muzik, pengiklanan, seni bina, pasaran seni dan antik, pertukangan, seni reka, seni reka fesyen, penerbitan, pembangunan aplikasi komputer, televisyen dan radio serta banyak lagi dan ini lebih ketara dengan kemajuan teknologi digital. Ia melibatkan kreativiti individu, keterampilan, bakat, inovasi dan teknologi yang mempunyai potensi untuk menjana pendapatan serta peluang pekerjaan. Ia juga menggalakkan aspek karya dan harta intelek.

Di Negara Brunei Darussalam, industri kreatif masih kenampakan baharu walaupun ia sebenarnya sudah wujud sejak lama. Kesedaran mengenai potensi industri ini masih dikira pada tahap yang rendah dan masih ada tanggapan ia bukan sepenting industri lain yang boleh menjana pendapatan serta peluang pekerjaan.

Tanggapan ini perlu diubah kerana seperti yang dicontohkan awal tadi, ia boleh memberikan sumbangan besar ke arah penjanaan ekonomi dan sekali gus membantu ke arah pembangunan negara. Malahan pentingnya industri ini boleh dilihat dengan ada beberapa buah negara yang mewujudkan dasar dan polisi industri kreatif masing-masing agar ia mempunyai hala tuju dan pembangunan yang lebih komprehensif, terurus dan teratur serta memastikan perkembangan positif industri.

Sehubungan itu sudah tiba masanya untuk memberikan sokongan dan platform kepada masyarakat umum terutama sekali kepada belia-belia di negara ini agar mereka dapat mengasah dan menggilap bakat dan potensi yang sedia ada. Pihak-pihak berkenaan juga perlu mewujudkan kolaborasi dan juga perlu diingat bukan sahaja untuk melihat kepada *end product* apabila menilai produk yang disediakan bagaimanapun juga melihat kepada proses penghasilan sesuatu produk kreatif seperti penjenamaan idea dan kreativiti, latihan, ilmu pengetahuan serta proses lain.

Baru-baru ini pada Majlis Pelancaran Malam Minggu Pusat Belia (MMPB) yang berlangsung di Dewan Riadah, Pusat Belia (PB), di ibu negara, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejaz Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin menyatakan penyediaan platform yang bermakna dan berterusan akan dapat memberikan peluang kepada belia-belia kita yang berbakat, kreatif dan inovatif untuk sama-sama menyumbang kepada pembangunan negara secara signifikan dan berlandaskan nilai-nilai falsafah Melayu Islam Beraja.

Sudah tiba masanya untuk kita meneroka industri kreatif kerana ia terbukti boleh menjana hasil pendapatan serta peluang pekerjaan sesebuah negara. Buka minda dan beri peluang terutama kepada anak-anak belia untuk menyerlahkan kreativiti dan bakat serta potensi mereka. Bagaimanapun perlu juga diingat agar sesuatu tindakan itu adalah berpaduan kepada falsafah Melayu Islam Beraja (MIB). Tidak salah untuk meneroka industri kreatif namun sentiasa beringat akan calak Brunei, iaitu MIB. Melangkahlah ke luar zon selamat, terokai peluang yang sedia ada dan berani mencuba. Semoga usaha-usaha ini akan berjaya membantu negara ke arah pembangunan yang lebih mampan.

- Ketua Penyuntingan (Ss).

RAMALAN CUACA 3 HARI		
RABU	KHAMIS	JUMAAT
BANDAR SERI BEGAWAN		
33 °C	33 °C	33 °C
25 °C	25 °C	25 °C
PEKAN BANGAR		
33 °C	33 °C	33 °C
24 °C	24 °C	24 °C
PEKAN TUTONG		
31 °C	32 °C	33 °C
25 °C	25 °C	24 °C
KUALA BELAIT		
31 °C	32 °C	32 °C
24 °C	24 °C	24 °C

Wallahualam Bissawab Jabatan Kajiciuaca Brunei Darussalam www.met.gov.bn

Talian Cuaca 114 Brunei WX App

WAKTU SEMBAHYANG									
firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud: "...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasy' dan mungkar."									
Masihi JANUARI	HARI	Hijrah JAMADILAWAL	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB ISYAK
9	RABU	3	4.59	5.09	6.31	6.55	12.28	3.50	6.23 7.37
10	KHAMIS	4	4.59	5.09	6.32	6.56	12.29	3.50	6.23 7.37
11	JUMAAT	5	4.59	5.09	6.32	6.56	12.29	3.51	6.24 7.38
12	SABTU	6	5.00	5.10	6.32	6.56	12.29	3.51	6.24 7.38
13	AHAD	7	5.00	5.10	6.33	6.57	12.30	3.52	6.25 7.38
14	ISNIN	8	5.01	5.11	6.33	6.57	12.30	3.52	6.25 7.39
15	SELASA	9	5.01	5.11	6.33	6.57	12.30	3.52	6.25 7.39

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN 991 | 993 | 995 | 998

AMBULANS POLIS BOMBA PENYELAMAT

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PENGANGKUTAN DARAT. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam 123 NDMC 2380214

Oleh : Wan Mohamad Sahran
Wan Ahmadi
Foto : Pg. Amirulnizam
Pg. Haji Mohd. Ali

Dari muka 1

Majlis tersebut diimarahkan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil beramai-ramai diikuti Doa Kesukuran dipimpin oleh Imam masjid berkenaan, Awang Haji Shamsul bin Haji Abd. Latif.

Sejak penubuhannya pada tahun 2011, beberapa pembangunan infrastruktur pasaran kewangan domestik telah dicapai oleh AMBD termasuk sistem Real Time Gross Settlement (RTGS) pada tahun 2014; sistem Automated Clearing House (ACH) pada tahun 2016; dan sistem Central Securities Depository (CSD) pada tahun 2017.

Penggunaan Direct Credit Transfer dalam sistem ACH yang telah beroperasi mulai Februari 2017 telah menyumbang kepada pengurangan penggunaan cek fizikal sebanyak 18 peratus pada tahun ini berbanding tahun 2016. Nilai cek yang diproses pada tahun 2018 berbanding dengan tahun sebelumnya juga dijangka



MAJLIS Doa Kesukuran Sempena Ulang Tahun Ke-8 Penubuhan Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) diimarahkan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil yang berlangsung di Masjid Hassanal Bolkiah, Kampung Perpindahan Mentiri.

menurun sebanyak 27 peratus.

Selain itu, AMBD juga telah menerbitkan 'Digital Payment Roadmap for Brunei Darussalam 2019-2025' yang merupakan salah satu inisiatif strategik ke arah transformasi industri pembayaran negara kepada pembayaran secara digital.

Roadmap yang menetapkan strategi ke arah 'Digital Payment Nation' adalah selaras dengan

strategi di bawah Financial Sector Blueprint 2016-2025 (FSBP) serta visi Wawasan Brunei 2035 dalam usaha untuk mempelbagaikan ekonomi secara dinamik.

Fungsi AMBD juga telah meluas bagi menepati keperluan pasaran, seperti perkhidmatan Biro Kredit dan kepentingan pengguna kewangan di negara ini.

Ke arah menjayakan Wawasan Brunei 2035, AMBD telah

memberikan latihan ke arah melahirkan pakar-pakar dalam bidang penyeliaan, kewangan, kewangan Islam dan ekonomi di kalangan generasi muda di negara ini dengan menggalakkan pembelajaran yang berterusan bagi pegawai dan kakitangannya sendiri.

Selain itu, kerjasama kolaborasi AMBD bersama institusi pengajian tinggi di negara ini juga

dilaksanakan bagi menyediakan program-program latihan yang komprehensif bagi mahasiswa dan mahasiswi yang menyertai Program Perantisan AMBD.

Di bawah naungan AMBD, Pusat Perbankan, Kewangan dan Pengurusan Islam (CIBFM) juga telah menganjurkan latihan-latihan dalam bidang yang sama, khusus bagi industri kewangan dan orang ramai.

Masyarakat berperanan penting bantu golongan OKU



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyempurnakan pelancaran Forum Sempena Sambutan Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya 2019 dengan pukulan gong pada majlis yang diadakan di Dewan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 Januari. – Bagi meraikan Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya (HAOKU) yang disambut setiap 3 Disember, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) telah menganjurkan Majlis Forum Sempena HAOKU bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya melancarkan forum tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin berucap pada majlis tersebut.

Majlis perasmian forum dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh graduan Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Awang Khairul Anwar bin Haji Abdul Ghafar dan diteruskan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh pelajar Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Dayang Nurasilah binti Zaini.

Yang Di-Pertua Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan

Utamakan kebajikan dan kesejahteraan OKU

Dari muka 1

Oleh itu tegasnya, dengan memanfaatkan *whole of nation approach* semua pihak perlu sama-sama berganding bahu dalam penyediaan lebih banyak platform dan peluang yang bermakna kepada golongan OKU dalam pembangunan negara, terutamanya penglibatan mereka dalam alam pekerjaan.

"Apa yang turut penting, pendaftaran warga OKU juga amat kritikal demi untuk membantu pihak kerajaan dan agensi-agensi yang berkepentingan merancang program-program dan kemudahan-kemudahan yang bersesuaian untuk golongan OKU. Berdasarkan statistik terkini daripada Jabatan Pembangunan Masyarakat, jumlah OKU yang berdaftar setakat ini adalah 6,506 orang. Dalam kesempatan ini saya amatlah mengalu-alukan semua pihak terutama ibu bapa dan penjaga untuk mendaftarkan warga OKU di bawah jagaan mereka ke Jabatan Pembangunan

Masyarakat demi untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk mereka," ujarnya lagi.

Terdahulu itu, Yang Berhormat melahirkan perasaan gembira dan berbangga dengan kejayaan dan impak tinggi yang telah dicapai oleh warga OKU termasuk dalam bidang sukan, bidang pendidikan dan bidang ekonomi.

Inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan katanya, menunjukkan bahawa persatuan dan warga OKU mempunyai idea-idea di luar kotak (*outside the box*) dan mereka akan terus menerima dukungan dan sokongan melalui inisiatif-inisiatif seperti itu agar ianya akan berterusan dan ditingkatkan lagi demi untuk melihat lebih ramai golongan OKU yang menyumbang kepada masyarakat dan negara.

Menyentuh tentang tema sambutan kali ini iaitu 'Memperkasakan Orang Kelainan Upaya Dan Memastikan Penglibatan dan Kesaksamaan', Yang Berhormat menerangkan bahawa ianya amatlah sejarah



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin berucap pada majlis tersebut.

dengan hala tuju Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memastikan golongan OKU diberikan peluang kesaksamaan dalam semua aspek kehidupan sama seperti anggota masyarakat yang lain.



SEBAHAGIAN jemputan yang hadir.

Kerjasama dua hala Brunei - Singapura kukuh



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud menerima kunjungan muhibah daripada Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Pang Kin Keong.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Januari. - Hubungan kerjasama dua hala pelbagai bidang di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura terus kukuh dengan adanya lawatan serta pertukaran peringkat pegawai tertinggi kedua belah pihak.

Sehubungan itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud menerima kunjungan muhibah daripada Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Pang Kin Keong yang berlangsung di Pejabat Menteri di JPM, Bangunan JPM.

Tuan Yang Terutama Pang Kin Keong berada di Negara Brunei Darussalam bagi mengetui delegasi Singapura untuk menghadiri Mesyuarat Dua Hala Kali Keempat di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura.

Turut hadir sama semasa kunjungan muhibah tersebut ialah Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Penguatkuasaan) di JPM, Lettenan Kolonel (B) Pengiran Haji Muhammad Sazali bin Pengiran Haji Yakob; dan Pemangku Setiausaha Tetap (Keselamatan, Kesejahteraan dan Undang-Undang), KHEDN, Negara Brunei Darussalam, Awang Ajman bin Haji Meludin.

Kongsi maklumat dan amalan terbaik



SETIAUSAHA Tetap (Keselamatan dan Penguatkuasaan) di Jabatan Perdana Menteri, Lettenan Kolonel (B) Pengiran Haji Muhammad Sazali bin Pengiran Haji Yakob (dua, kiri) mempengerusikan Mesyuarat Dua Hala di antara agensi-agensi keselamatan dan penguatkuasaan Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura Kali Keempat dan Mesyuarat Dua Hala di antara Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Brunei Darussalam dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Republik Singapura Kali Ketiga (kiri). Sementara gambar kanan, Setiausaha Tetap, Kementerian Ehwal Dalam Negeri, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Pang Kin Keong (tengah) semasa berupacara pada mesyuarat berkenaan.

Oleh : Dk Vivy Malessa Pg Ibrahim
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Januari. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Dua Hala di antara agensi-agensi keselamatan dan penguatkuasaan Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura Kali Keempat dan Mesyuarat Dua Hala di antara

KHEDN Negara Brunei Darussalam dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Republik Singapura Kali Ketiga yang diadakan di Kompleks JPM.

Sebelum memulakan mesyuarat, Pengurus Bersama telah mengadakan kunjungan muhibah kepada Menteri di JPM, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji

Mohd. Daud.

Semasa kunjungan muhibah tersebut, Yang Berhormat Menteri di JPM menekankan mengenai kepentingan hubungan baik dan kerjasama dua hala di antara kedua-dua buah negara yang berterusan dalam menangani isu-isu jenayah dalam negara dan jenayah rentas sempadan.

Mesyuarat dipengerusikan bersama oleh Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Penguatkuasaan) di JPM, Lettenan Kolonel (B) Pengiran Haji Muhammad Sazali bin Pengiran Haji Yakob; Pemangku

Setiausaha Tetap (Keselamatan, Kesejahteraan dan Undang-Undang), KHEDN, Awang Ajman bin Haji Meludin dan Setiausaha Tetap, Kementerian Ehwal Dalam Negeri, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Pang Kin Keong.

Turut hadir pada mesyuarat tersebut ialah ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan dari agensi-agensi keselamatan dan penguatkuasaan dari kedua-dua buah negara.

Rombongan Republik Singapura berada di Negara Brunei Darussalam selama dua hari di mana antara program yang

diadakan termasuk perlawanan persahabatan bagi mengerakkan lagi hubungan baik yang sedia terjalim di antara agensi-agensi kedua-dua buah negara.

Mesyuarat Dua Hala ini adalah siri mesyuarat yang diadakan bersama dan diadakan setiap tahun secara bergilir di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura.

Mesyuarat ini bertujuan bagi perkongsian maklumat dan amalan terbaik negara masing-masing serta untuk menerokai peluang-peluang latihan bersama dalam pelbagai bidang-bidang berkaitan.



PARA delegasi Mesyuarat Dua Hala Kali Keempat di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura pada sesi bergambar ramai.

Tambah nilai pencapaian JPA

Berita dan Foto : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Januari. - Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) diseru supaya akan dapat menilai semula dan seterusnya menambah nilai pencapaian-pencapaian dalam menjalankan peranan dan tanggungjawabnya, termasuklah dalam projek-projek Rangka Kerja Perkhidmatan Awam, pembangunan kepimpinan, perancangan penggantian, pengauditan sumber tenaga manusia, perancangan keperluan latihan dalam perkhidmatan awam, etika kerja, disiplin dan integriti.

Perkara tersebut ditekankan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud ketika berucap pada sesi perbincangan yang diadakan di Bilik Mesyuarat Asyura, JPA.

Yang Berhormat Menteri turut menyarankan agar JPA meneliti dasar-dasar dan peraturan-peraturan sedia ada dan memastikan ia sentiasa relevan.

Walau bagaimanapun ujar Yang Berhormat Menteri, apa juarancangan perubahan hendaklah juga mengambil kira pandangan-pandangan daripada stakeholders, berlandaskan konsep Melayu Islam Beraja.

Di samping itu, Pangkalan Data hendaklah sentiasa dikemas kini dan disimpan dengan bersistematis, bagi kemudahan pemantauan dan perancangan.

Pada lawatan tersebut, Yang Berhormat Menteri turut mendengar taklimat ringkas mengenai peranan dan fungsi JPA dan seterusnya sesi perbincangan.

Terdahulu, kehadiran Yang Berhormat Menteri telah dialu-alukan oleh Setiausaha Tetap, Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Roslan bin Haji Taja'ah dan Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Dr. Awang Norfarizal bin Othman.

Pada lawatan tersebut Yang Berhormat Menteri seterusnya dibawa menyaksikan secara dekat bahagian-bahagian yang ada di JPA termasuk menyaksikan Pelan Program Pembangunan Warga Kerja Jabatan Perkhidmatan Awam; penyerahan Civil Service Leadership Pipeline (CSLP)



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud (tengah) ketika berucap pada sesi perbincangan yang diadakan di Bilik Mesyuarat Asyura, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Handbook dan juga mendengarkan taklimat mengenai Portal Jabatan Perkhidmatan Awam.

Yang Berhormat Menteri kemudiannya melancarkan Projek Digitasi Rekod Perkhidmatan Warga Perkhidmatan Awam; Buku Garispanduan dan Tatacara Pelaksanaan Pengauditan Tenaga Manusia Perkhidmatan Awam bagi Agensi-Agenzi Kerajaan Negara Brunei Darussalam; dan Buku Panduan Latihan Dalam Perkhidmatan.

Yang Berhormat Menteri turut membuat lawatan ke Bahagian Penyelidikan dan Perancangan, Bangunan BEDB, Jalan Kumbang Pasang dan berkesudian untuk melancarkan Buku Garispanduan dan Tatacara Perlaksanaan Pengauditan Tenaga Manusia Perkhidmatan Awam bagi Agensi-Agenzi Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir ialah Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap di JPM, serta

pegawai-pegawai kanan di JPM.

Dengan lawatan Yang Berhormat Menteri tersebut adalah bagi meninjau dengan lebih dekat lagi perkembangan JPA selaku agensi utama bagi sumber manusia dalam Perkhidmatan Awam.

Selain itu, ia diharatkan untuk memberi peluang kepada pegawai-pegawai JPA untuk berinteraksi serta bertukar-tukar fikiran dengan Yang Berhormat Menteri khususnya mengenai pembangunan, perkembangan dan kesejahteraan warga kerja JPA.



YANG Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud ketika meninjau secara dekat salah satu bahagian yang ada di JPA.



YANG Berhormat Menteri di JPM diberikan penerangan ringkas mengenai peranan Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat di JPA (kiri). Sementara gambar kanan Yang Berhormat melancarkan Projek Digitasi Rekod Perkhidmatan Warga Perkhidmatan Awam; Buku Garispanduan dan Tatacara Pelaksanaan Pengauditan Tenaga Manusia Perkhidmatan Awam bagi Agensi-Agenzi Kerajaan Negara Brunei Darussalam; dan Buku Panduan Latihan Dalam Perkhidmatan.

MUIB bantu ringankan beban mangsa rumah roboh dan kebakaran



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Januari. - Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) mengagihkan wang zakat berjumlah BND3,400 menerusi peruntukan Kumpulan Wang Zakat Asnaf Fakir Miskin kepada mangsa-mangsa rumah roboh dan kebakaran yang ditimpa baru-baru ini.

Dua buah rumah di Kampung Saba Darat 'B' dilaporkan mengalami kerobohan menimpa pada 18 Disember lepas.

Keluarga pertama, Awang Md. Rizal bin Antong Umar bersama isteri dan dua orang anak serta seorang adiknya menerima sumbangan sebanyak BND1,000

semuanya.

Jiran mereka, Awang Md. Shahroni bin Haji Mat Noor dan tiga tanggungan lain menerima bantuan berjumlah BND800 termasuk peralatan sekolah bagi dua anak perempuan mereka yang masih bersekolah.

Sementara itu, mangsa tragedi kebakaran rumah di Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Tungku pada 29 Disember lalu juga menerima sumbangan berjumlah BND800 oleh keluarga berkenaan iaitu Awang Haji Mekrat @ Meraj bin Haji Awang berserta isteri dan dua orang anak mereka termasuk barang alat sekolah kepada salah seorang

anaknya yang masih belajar.

Manakala empat penyewa rumah yang menjadi mangsa tragedi kebakaran rumah di kampung Mulaut juga diberikan sumbangan berjumlah BND200 setiap seorang.

Penyerahan agihan yang berlangsung di Bangunan Baharu Kementerian Hal Ehwal Ugama disempurnakan oleh Pemangku Setiausaha MUIB, Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Akop.

Bantuan seumpama itu merupakan atas dasar pemeludian kerajaan dalam membantu meringankan beban penderitaan mangsa-mangsa yang dilanda musibah.

Selain itu, dengan adanya sumbangan ini juga mereka dapat meneruskan perjalanan hidup pada hari mendatang selepas itu.



PEMANGKU Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Akop menyampaikan penyerahan agihan wang zakat menerusi peruntukan Kumpulan Wang Zakat Asnaf Fakir Miskin kepada mangsa-mangsa rumah roboh dan kebakaran (atas dan bawah). Sementara gambar kiri, Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Akop ketika hadir pada majlis yang berlangsung di Bangunan Baharu Kementerian Hal Ehwal Ugama.



HALUAN

BSB penuhi kriteria sebagai Bandar Raya Kebudayaan Islam

Dari muka 2

Oleh itu, marilah kita sama-sama melaksanakan dan menjayakan inisiatif ini dengan kaedah Whole of Nation Approach. Dengan nasihat, pandangan serta cadangan yang holistik dan menyeluruh daripada ahli-ahli Jawatankuasa Pandu ini, dapatlah kita merangka program dan aktiviti yang benar-benar mencerminkan Bandar Seri Begawan sebagai bandar yang sentiasa mengamalkan dan berciri Ibu Negara Kebudayaan Islam. InsyaaAllah, usaha ini akan mencapai pulangan yang bermakna bagi negara kita sama ada dalam aspek *tangible* termasuk dalam bidang pelancongan, maupun *intangible*, iaitu peningkatan nilai-nilai berugama dan budaya yang selaras dengan Falsafah MIB.

Untuk akhirnya, peramba / kaola / saya sukadit memaklumkan bahawa hasil daripada mesyuarat pada petang ini, akan dikongsikan dengan Setiausaha Agung ISESCO semasa mesyuarat khas

Extraordinary Meeting of the Islamic Culture Ministers yang akan diadakan di Manama, Bahrain pada 28 hingga 29 November yang akan datang ini. Dalam hubungan ini, peramba / kaola / saya yakin perbincangan pada petang ini akan mencapai hasrat yang diinginkan, insyaaAllah.

Sekali lagi, peramba / kaola / saya sukadit merakamkan setinggi-tinggi menjunjung kasih dan ribuan terima kasih di atas keberangkatan dan kehadiran Ahli-ahli Jawatankuasa Pandu Bandar Seri Begawan sebagai Ibu Negara Kebudayaan Islam bagi rantau Asia 2019 ke mesyuarat pada petang ini. Didoakan agar Allah Subhanahu Wata'alaa akan sentiasa mengurniakan petunjuk dan rahmat-Nya dalam usaha bersama kita ke arah kelancaran persediaan Bandar Seri Begawan sebagai Ibu Negara Kebudayaan Islam bagi rantau Asia, 2019. Amin Ya Rabbal Alamin.

Sekian.



LENSA

Awda kreatif, berbakat dan berminat dalam fotografi?

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Gambar yang dihantar hendaklah dalam format JPEG dengan ukuran gambar 7" x 5" 300 dpi dan disertakan penerangan ringkas tidak melebihi 100 perkataan.
3. Setiap gambar perlu diberi keterangan mengenai jenis kamera yang digunakan (DSLR/compact/kamera telefon), konfigurasi kamera (ISO, Aperture dan shutter speed)
4. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar melalui : **pelita.brunei@information.gov.bn**
5. Jabatan Penerangan adalah dibenarkan untuk menggunakan gambar yang terpilih dalam mana-mana terbitan jabatan.
6. Gambar terpilih akan memenangi wang sagu hati BND50.00.

Tajuk-tajuk akan datang :

1) 'Bersekolah' - Tarikh Tutup : 12 Januari 2019

2) 'Air' - Tarikh Tutup : 26 Januari 2019

3) 'Senyum' - Tarikh Tutup : 9 Februari 2019

Kesemua tajuk-tajuk hendaklah dihantar sebelum jam 12.00 tengah hari pada tarikh-tarikh berkenaan.





Hidup sihat dimulai dari menjaga kebersihan

SIKAP mencuci tangan, mandi, sikat gigi dan lainnya adalah hal yang sering kita lakukan. Kita juga pasti tahu bahawa hal tersebut dilakukan untuk menjaga kebersihan diri, tetapi sayangnya, tidak semua orang tahu tentang cara menjaga kebersihan diri dengan benar, termasuk alasan kenapa mereka harus menjaga kebersihan diri selain memang sudah menjadi rutin seharian kita di dalam menjaga kebersihan diri kita sendiri bahkan juga sekeliling kita.

Kebersihan diri atau *personal hygiene* adalah tindakan untuk memelihara kebersihan dan kesihatan seseorang untuk memperoleh kesejahteraan fizik yang lebih optimal. Menjaga kebersihan diri perlu dilakukan kerana ianya dapat membantu kita menghindari segala macam ketidakselesaan di badan kita, apakah lagi bila berbicara mengenai dengan tubuh kita.

"Pada pandangan saya, tidak menjaga kebersihan itu adalah satu sikap yang tidak sewajarnya kita praktikkan atau biarkan begitu sahaja, walaupun ianya dipandang ringan pada sesetengah kita tetapi ianya memberikan risiko yang mudah untuk kita terkena penyakit dan infeksi lainnya dan dengan menjaga kebersihan diri kita mampu mencegah terjadinya sebarang jangkitan atau penyakit. Kebersihan diri yang baik mampu meningkatkan rasa kepercayaan diri sendiri terutama dalam situasi sosial."

- Rizal Abbas, Lambak.

"Sejak kecil lagi kami sekeluarga memang sudah diberi pengertian untuk selalu menjaga kebersihan tubuh agar terhindar dari penyakit, kerana menjaga diri agar sentiasa bersih apakah lagi lingkungan kita amat bermakna kerana pencegahan itu lebih baik dari mengubati, tambahan pula hidup bersih dan sihat akan berpengaruh ke dalam fungsi-fungsi tubuh kita, apabila kita mampu untuk hidup bersih dan sihat maka fungsi-fungsi tubuh kita juga akan berada di *level* optimal, di mana kesegaran tubuh akan tetap terjaga dengan baik bahkan kita akan terlihat lebih menarik."

- Zarina Junaidi, Berakas.

"Saya begitu mengutamakan kebersihan apakah lagi sebagai seorang yang mempunyai profesion yang mengkehendaki saya berpenampilan bersih dan sentiasa kelihatan segar, kerana bagi saya jika kita sentiasa dalam keadaan yang bersih dan sihat kita akan dilihat sebagai orang yang menari, rapi, dan bersih berbeda apabila kita memiliki gaya hidup yang kotor dan tidak sihat." - Fakrul Rozaini Haji Tajuddin, Meragang.

"Kita harus tahu tentang manfaat menjaga kebersihan lingkungan, kerana menjaga kebersihan lingkungan sangatlah berguna untuk kita semua dan keluarga kerana ianya dapat menciptakan kehidupan yang aman, bersih, sejuk dan sihat. Lingkungan juga akan menjadi lebih baik jika semua orang sedar dan bertanggungjawab akan kebersihan lingkungan, makanya hal ini harus kita tanam dalam diri kita dan juga keluarga serta anak-anak, bahkan di sekolah pun kita akan diajar untuk selalu hidup bersih, malahan dalam agama Islam pun kita diajarkan untuk selalu hidup bersih, kerana kebersihan adalah sebahagian dari iman." - Haji Suhaili, Gadong Villa.

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.

Sila e-melkan pendapat biskita ke :
pelita.brunei@information.gov.bn

- i. Aktiviti sukarelawan dalam kalangan belia
- ii. Langkah-langkah berjimat cermat dalam penggunaan air



mangalimut bermaksud memburuk-burukkan atau mengata-ngatai orang lain di belakang.
 Contoh pemakaian kata : garam atingku kan si anu atu, dipuji-pujinyaku di dapan urang, rupanya **mangalimut** kadiaku ia di balakang, astaga.

kalukur bermaksud kelongsong yang dibuat daripada daun pucuk nipah, biasanya untuk membungkus pais dan sebagainya.
 Contoh pemakaian kata : lagi daulu kan mamais lauk ani, mangambilah pucuk nipah kan membuat **kalukur**.

kapupungan bermaksud dalam keadaan bingung kerana kesuntukan masa, kecemasan, dan sebagainya.
 Contoh pemakaian kata : **kapupungan** ia maliat api marak di supanggal.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



KAMPUNG MUMONG 'B'



Foto : Hernie Suliana Haji Othman

KUIH LAPIS UBI KAYU

BAHAN-BAHANNYA :

3 cawan pati santan

2 biji telur

1 cawan setengah gula pasir

Sedikit pewarna kuning

BAHAN LAPISAN ATAS :

2 cawan tepung gandum

2 biji telur ayam

3 cawan pati santan

1 cawan gula pasir

Sedikit pewarna hijau

BAHAN LAPISAN BAWAH :

3 cawan ubi kayu yang diparut

CARA MEMBUATNYA :

Ubi kayu yang sudah diparut dicampur dengan pati santan, telur, gula dan sedikit pewarna kuning, masukkan ke dalam acuan yang telah disapu planta /

marjerin dan kukuslah hingga masak bagi lapisan bawah. Manakala tepung gandum, gula, telur dan pati santan bagi lapisan atas digaul rata dengan sedikit pewarna hijau hingga sebat. Tuangkan di atas lapisan ubi yang telah masak dan kukuslah semula hingga kedua-dua adunan itu masak. Sejukkan dahulu sebelum dipotong untuk dihidangkan.

Penyunting aset terpenting, penghubung di antara penulis dengan pembaca

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Januari. - Profesional sebagai seorang penyunting memerlukan kemahiran dan pengetahuan yang tinggi agar buku yang ditangani mampu mencapai piawaian sesebuah penerbitan, sekali gus mampu memberikan impak kepada masyarakat.

Penyunting merupakan aset terpenting, bukan saja berperanan sebagai penghubung di antara penulis dengan pembaca, malah kedua-duanya saling perlu bersatu dalam proses melahirkan atau pelaksanaan sesebuah buku.

Perkara tersebut digariskan oleh Pemangku Timbalan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Dr. Haji Mohd. Ali bin Haji Radin selaku wakil Pemangku Pengarah DBP, semasa Majlis Pembukaan Bengkel Penyuntingan Disertasi Ke Buku yang diadakan di Balai Sarmayuda, DBP, di sini.

Menurutnya, kita percaya bahawa tanpa penulis, tugas penyunting akan terhenti begitu

sahaja.

Justeru katanya, kita sememangnya maklum bahawa tanggungjawab seorang penyunting adalah untuk memastikan cara penyampaian sesebuah manuskrip diolah atau disusun dengan betul dan haruslah menepati etika penulisan yang mampu mengangkat sesebuah

"Seorang penyunting yang berkemahiran akan dapat memberikan sentuhan 'magis'nya dalam mengolah sebuah manuskrip kepada sebuah buku yang menarik dan memiliki nilai kebolehpasaran," ujarnya.

Bengkel tersebut merupakan program penyegaran yang dilaksanakan untuk menggalakkan penyunting belajar dan menambah pengetahuan, terutamanya mengenai penyuntingan sesebuah buku ilmiah.

Inisiatif pengajuran bengkel ini juga adalah sebagai salah satu proses mendidik penyunting



PEMANGKU Timbalan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Dr. Haji Mohd. Ali bin Haji Radin selaku wakil Pemangku Pengarah DBP hadir pada Majlis Pembukaan Bengkel Penyuntingan Disertasi Ke Buku.



BENGKEL Penyuntingan Disertasi Buku 2019 disertai oleh para pegawai dan kakitangan dan jabatan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

tentang kemahiran asas yang diperlukan dalam melaksanakan tugas, selain mendedahkan teknik penyuntingan berkesan kepada peserta yang masih baru dalam bidang penyuntingan, melahirkan penyunting berkemahiran, berpengetahuan dan dinamik sejajar dengan perkhidmatan teras jabatan, seterusnya memberikan penjenamaan kepada penerbitan jabatan-jabatan kerajaan.

Bengkel yang berlangsung selama tiga hari itu disertai oleh lebih 30 peserta terdiri daripada para pegawai dan kakitangan dari jabatan-jabatan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sebanyak 14 modul diatur sepanjang bengkel diadakan, memuatkan beberapa isi kandungan seperti penyemakan judul dan subjudul; penyuntingan substansif; dan semakan dokumen yang lengkap dan tanda atau simbol penyuntingan.

Alert List AMBD dikemas kini

Siaran Akbar : Autoriti Monetari Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 Januari. - Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) ingin memaklumkan orang ramai bahawa Alert List AMBD telah dikemas kini.

Alert List AMBD adalah senarai individu, syarikat dan laman web yang tidak diberi kebenaran atau kelulusan di bawah undang-undang dan peraturan-peraturan di bawah kawalan AMBD, atau mana-mana aktiviti yang menimbulkan kecurigaan akan berlaku aktiviti yang menyalahi undang-undang. Senarai ini adalah tanpa prejudis kepada sebarang penilaian lanjut oleh AMBD mengenai aktiviti-

aktiviti syarikat berkenaan.

AMBD juga ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa syarikat atau individu yang telah dimasukkan ke dalam Alert List AMBD bagi bulan Disember 2018 ialah Bitclub; BruXM dan BlackoutFX.

Alert List AMBD yang telah dikemas kini boleh didapati melalui laman web AMBD di www.ambd.gov.bn. Senarai syarikat-syarikat dan individu-individu yang dilesenkan oleh AMBD juga boleh didapati di laman web yang sama.

Ke muka 13

Berkhatan kurangkan risiko jangkitan HIV



PEGAWAI Perubatan Jabatan Pembedahan Umum, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Dr. Haji Shahriman bin Haji Husain (kiri) dan Pegawai Jururawat, Unit Rawatan Jantung, Hospital RIPAS, Haji Mohd. Khairul Zaki bin Haji Mohd. Serudin (kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Januari. - Amalan berkhatan sangat sinonim dengan masyarakat Islam di negara ini terutama pada musim cuti penggal sekolah hujung tahun.

Berkhatan bukan sahaja bagi

menunaikan tuntutan agama, malahan ia juga memberi manfaat kepada kebersihan dan kesihatan.

Pegawai Perubatan Jabatan Pembedahan Umum, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha

(RIPAS), Dr. Haji Shahriman bin Haji Husain berkata, terdapat bukti saintifik yang mengaitkan amalan berkhatan dengan pengurangan risiko jangkitan HIV.

Paling utama katanya, adalah dari segi kebersihan, di mana berkhatan dapat mengurangkan risiko jangkitan kuman seperti balanitis dan phimosis pada alat sulit.

"Jika kulit yang berlebihan itu masih ada pada alat sulit, ia akan mudah dijangkiti kuman dan berkhatan adalah cara bagi mengelakkan jangkitan tersebut daripada berlaku," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui bual Pelita Brunei di Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak Hospital RIPAS, di sini.

Menurutnya, umur yang sesuai bagi kanak-kanak lelaki untuk berkhatan adalah pada usia enam hingga lapan tahun, namun ia bergantung kepada keadaan kanak-kanak tersebut.

"Kalau kanak-kanak tersebut berasa sangat takut, mungkin kami akan menangguhan proses berkhatan sehingga mereka dapat memberikan lebih kerjasama," jelasnya.

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

Beliau memberitahu, Hospital RIPAS menawarkan dua kaedah berkhatan, iaitu melalui kaedah suntikan, iaitu bagi mereka yang tidak mengalami sebarang masalah kesihatan dan bius.

Kaedah bius katanya, selalu dijalankan bagi kanak-kanak yang sangat aktif termasuk kanak-kanak istimewa ataupun bagi mereka yang terlalu takut untuk dikhatakan.

Beliau turut menjelaskan mengenai kepentingan penjagaan selepas berkhatan bagi membantu proses pemulihan di tahap yang baik.

"Menjaga kebersihan di bahagian yang telah dikhatakan adalah sangat penting. Ia perlu dicuci dengan air bersih dan sentiasa berada dalam keadaan kering."

Kami juga menasihati mereka untuk berendam di dalam besen makan dan minum anak-anak mereka untuk mengatasi masalah berlebihan, yang mana perkara ini adalah bagi memudahkan lagi proses berkhatan.

Beliau menambah, pihaknya

tidak menggalakkan mereka yang baru sahaja menjalani proses berkhatan untuk mandi air laut kerana bimbang akan menjelaskan proses pemulihan, di mana kekotoran yang ada di air laut boleh menyebabkan jangkitan pada luka.

Dalam pada itu, beliau menasihati para ibu bapa yang ingin membawa anak mereka untuk berkhatan di Hospital RIPAS pada tahun akan datang untuk membuat perancangan dan mendaftar lebih awal kerana kapasiti yang terhad, terutama bagi kaedah berkhatan secara bius.

"Pada musim cuti sekolah bulan Disember pada tahun lepas, jumlah mereka yang berkhatan di hospital ini mencecah sehingga 1,637 orang," katanya.

Selain itu, beliau juga menasihati para ibu bapa untuk menjaga makan dan minum anak-anak mereka untuk mengatasi masalah berlebihan, yang mana perkara ini adalah bagi memudahkan lagi proses berkhatan.

Penuntut SM YSHHB hadiri Program Taklimat Kenegaraan



KETUA Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya menyampaikan Taklimat Kenegaraan kepada para penuntut Tahun 7 Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SM YSHHB) (kiri). Sementara gambar kanan, antara pelajar SM YSHHB yang hadir pada program berkenaan.

Siaran Akbar : Jabatan Penerangan
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Januari. - Seramai 88 penuntut Tahun 7 Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SM YSHHB) hari ini menghadiri Program Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam anjuran Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan.

Program Taklimat Kenegaraan yang diadakan di Dewan Kuliah, SM YSHHB turut dihadiri oleh tenaga pengajar sekolah berkenaan.

Antara tujuan Program Taklimat Kenegaraan adalah sebagai salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara, di samping untuk mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut melalui lagu kebangsaan dan bendera negara.

Pengisian program termasuklah Taklimat Kenegaraan yang disampaikan oleh Ketua Unit

Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya.

Dalam taklimat tersebut, beliau antara lain menyentuh mengenai Raja Kita, tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci.

Selain itu para penuntut juga menyaksikan klip video

'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara', 'Semarak Pengibaran Bendera Negara' dan Video Animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera Negara'.

Para penuntut turut berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan. Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para penuntut yang berjaya menjawab kuiz kenegaraan.



MINDA PEMBACA

Bentuk belia cemerlang melalui PKBN

UNTUK membangun dan memajukan negara memerlukan belia yang cemerlang. Kecemerlangan yang dimaksudkan adalah menyeluruh sama ada daripada aspek dunia ni muhupun ukhrawi yang akan melahirkan generasi yang berkualiti. Sering diperkatakan bahwa belia adalah aset penting negara. Ini kerana, maju atau mundurnya sebuah negara itu bergantung kepada keupayaan dan kesanggupan, kebolehan dan ketekunan belia sebagai tonggak untuk mencapai pembangunan negara. Oleh itu, golongan belia perlu dididik, dibentuk dan dibimbing

agar jati diri mereka bertambah kukuh, sekali gus bertanggungjawab kepada agama, bangsa dan negara.

Sehubungan itu, Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) yang bermatlamatkan untuk membentuk belia cemerlang telah pun diteraju oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) sejak tahun 2011 lagi. Program ini membentuk jati diri belia melalui beberapa proses pendidikan, pembinaan jati diri dan latihan disiplin dan fizikal dengan berpandukan dan berteraskan calak Brunei iaitu falsafah negara Melayu Islam Beraja

(MIB). Ilmu didikan di PKBN dapat diguna pakai dalam kehidupan berkeluarga, bermasyarakat dan bernegera agar menjadi generasi belia yang bertanggungjawab, berdisiplin, dinamik, bersatu padu, cekal, menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara dan memperkuatkan ketahanan nasional.

Berbagai-bagi usaha sudah pun dilaksanakan bagi memperkembangkan dan mempergiatkan lagi penglibatan belia dalam PKBN. Beberapa tahun lalu, bangunan Kem Latihan PKBN yang kekal telah pun dibina di Daerah Temburong. Kemudahan tempat yang semakin selesa dan relevan untuk program tersebut terbukti meningkatkan lagi penyertaan belia.

Selain itu, barisan pasukan petugas PKBN yang ditugaskan untuk mendidik

belia tersebut juga bukanlah calang-calang orangnya. Mereka berperanan penting dalam membentuk belia yang mempunyai keyakinan diri, berdikari dan berusaha gigih bagi mencapai kecemerlangan dalam kehidupan. Dalam program yang bertempoh tiga bulan ini juga, belia diasuh dan didedahkan dengan kerja-kerja kemasyarakatan untuk menjadikan mereka sebagai individu dan golongan yang prihatin akan kebajikan dan kesejahteraan masyarakat sekeliling.

Terbukti amat besar hasrat negara untuk memupuk belia yang berkeupayaan dan berkebolehan tinggi. Semoga PKBN mendapat tempat istimewa di dalam hati belia, para ibu-bapa dan penjaga.

**Nama : Siti Nurul Aqilah binti Alwi
No. K/P : 01-083564 (K)**

Serahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :
TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Berbelanja Dengan Berhemat Jamin Kesejahteraan'. Tarikh Tutup : 9 Januari 2019
2. 'Asah Bakat Anak-Anak Meminat Sukan'. Tarikh Tutup : 16 Januari 2019
3. 'Kesan-Kesan Amalan Makan Makanan Segera'. Tarikh Tutup : 23 Januari 2019.

Termasuk dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan **15 hingga 25 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langkah dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

Sidang Pengarang, Minda Pembaca
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
Setiap Minggu

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Pertembungan iqamah sembahyang fardu dengan sembahyang seorang munfarid

KELUARAN PERTAMA

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

SALAH satu perkara yang biasa dihadapi ketika menghadiri sembahyang berjemaah ialah bilal mendirikan iqamah ketika seseorang baru masuk masjid atau ketika dia masih menunaikan suatu sembahyang. Sebagai contoh, seseorang yang baru masuk masjid hendak mengerjakan Sembahyang Tahiyyat al-Masjid, lalu iqamah bagi mengerjakan sembahyang fardu dilaungkan. Atau ketika dia mengerjakan Sembahyang Sunat Qabliyyah Zuhur, tiba-tiba iqamah bagi mengerjakan Sembahyang Fardu Zuhur dilaungkan.

Memandangkan laungan iqamah merupakan satu seruan untuk mendirikan sembahyang berjemaah dan membawa maksud bahawa sembahyang berjemaah hendak didirikan, maka keadaan-keadaan di atas menimbulkan beberapa persoalan. Antaranya, adakah boleh diputuskan sembahyang yang sedang dikerjakan itu serta merta bagi mengikuti jemaah atau perlukan sembahyang itu disempurnakan terlebih dahulu? Begitu juga timbul persoalan adakah boleh memulakan sembahyang sunat dan sebagainya setelah iqamah sembahyang fardu dilaungkan. Irsyad Hukum kali ini akan membincangkan mengenai permasalahan-permasalahan di atas.

Hukum Memulakan Sembahyang Lain Setelah Iqamah Sembahyang Fardu Dilaungkan

(i) Memulakan Sembahyang Sunat Setelah Dilaungkan Iqamah Bagi Sembahyang Fardu

Bagi orang yang menghadiri suatu jemaah sembahyang fardu, sunat baginya untuk tidak memulakan mana-mana sembahyang sunat setelah iqamah bagi sembahyang fardu dilaungkan. Bahkan

makruh hukumnya jika dia mengerjakan sembahyang sunat tersebut. Ini bagi membolehkannya memperoleh faidat mengangkat takbiratul ihram bersama imam.

Dasar bagi tuntutan ini adalah sebuah hadits yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radhiallahu anhu bahwasanya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Apabila sembahyang sudah diiqamahkan, maka tidak ada sembahyang (yang boleh dikerjakan) melainkan sembahyang fardu."

(Hadis riwayat Muslim)

Menurut para ulama asy-Syafi'iyyah, makruh juga hukumnya memulakan mana-mana sembahyang sunat ketika iqamah tidak lama lagi akan dilaungkan.

Imam Ibnu Hajar al-Haitami Rahimahullah menyebutkan dalam Tuhfah al-Muhtaj bahawa selain sembahyang sunat, memulakan thawaf juga makruh setelah iqamah dilaungkan.

Berlainan halnya dengan iqamah Sembahyang Fardu Jumaat. Menurut Imam al-Bujairami Rahimahullah, apabila iqamah bagi menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat sudah dilaungkan, maka orang yang menghadiri Sembahyang Fardu Jumaat diharamkan untuk memulakan mana-mana sembahyang sunat sekiranya dengan mengerjakan sembahyang sunat itu dia boleh terlepas mengerjakan rukuk bagi rakaat kedua Sembahyang Fardu Jumaat bersama imam.

(ii) Memulakan Sembahyang Fardu Secara Bersendirian Setelah Iqamah Bagi Sembahyang Fardu Dilaungkan

Menurut Imam al-Bujairami Rahimahullah, memulakan sembahyang fardu secara bersendirian setelah iqamah bagi menunaikan sembahyang fardu dilaungkan hukumnya adalah makruh jika sembahyang fardu yang dikerjakannya secara bersendirian itu adalah tunai.

Sekiranya sembahyang fardu yang dikerjakannya secara bersendirian itu adalah qadha, maka yang demikian itu adalah khilaf al-awla yakni menyalahi yang utama.

Hukum Meneruskan Sembahyang Sunat Yang Sedang Dikerjakan Ketika Iqamah Sembahyang Fardu Dilaungkan

Sekiranya ketika seseorang sedang mengerjakan sembahyang sunat lalu jemaah sembahyang fardu didirikan, contohnya seseorang sedang mengerjakan Sembahyang Qabliyyah Maghrib lalu iqamah bagi mengerjakan Sembahyang Fardu Maghrib dilaungkan, maka dalam hal ini dilihat dua perkara berikut :

(i) Dia masih sempat mengikuti sembahyang jemaah sekiranya dia menyempurnakan sembahyang sunatnya.

Sekiranya orang yang sedang bersembahyang sunat itu menyangka bahawa jika dia menyempurnakan sembahyangnya dia masih sempat mengikuti jemaah sebelum imam memberi salam, maka dalam hal ini, sunat baginya menyempurnakan sembahyangnya itu secara takhfif, iaitu dengan ringkas dan ringan serta tidak memanjangkan sembahyang sunat berkenaan.

Ini berdasarkan firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Muhammad, ayat 33 :

Tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman! Taatlah kepada Allah dan taatlah kepada Rasulullah, dan janganlah kamu merosakkan (pahala) amalan-amalan kamu."

(Surah Muhammad : 33)

Dengan yang demikian, dia telah memperolehi dua ganjaran, iaitu ganjaran kelebihan mengerjakan sembahyang sunat dan ganjaran kelebihan mengerjakan sembahyang secara berjemaah.

(ii) Dia tidak akan sempat mengikuti sembahyang jemaah sekiranya dia menyempurnakan sembahyang sunatnya.

Sekiranya orang yang sedang bersembahyang sunat itu menyangka bahawa jika dia menyempurnakan sembahyangnya dia tidak akan sempat mengikuti jemaah sebelum imam memberi salam, maka dalam hal ini, terdapat perbezaan antara Sembahyang Fardu Jumaat dengan sembahyang fardu yang lain.

(a) Bagi Sembahyang Fardu Jumaat, sekiranya dia menyangka bahawa dia



IRSYAD HUKUM

جایز معین کل جان
Jائز معيين كل جان

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : mufti@brunet.bn - fatwa@brunet.bn

tidak akan sempat mengikuti sekurang-kurangnya satu rakaat Sembahyang Fardu Jumaat secara berjemaah bersama imam, wajib baginya memutuskan sembahyang sunat yang sedang dikerjakannya itu.

Ini bermakna, sekiranya seseorang itu kluatir jika dia menyempurnakan sembahyang sunatnya dia tidak akan sempat mengerjakan rukuk bagi rakaat kedua Sembahyang Fardu Jumaat bersama imam, maka wajib atasnya memutuskan sembahyang sunatnya itu untuk mengerjakan Sembahyang Fardu Jumaat bersama imam.

Adapun sembahyang sunat yang diputuskannya itu tetap diberikan ganjaran dari permulaan sembahyang sehingga saat ia diputuskan kerana ia diputuskan atas suatu keuzuran, iaitu bagi mengikuti sembahyang berjemaah.

(b) Adapun bagi sembahyang fardu yang lain pula, sebagai contoh Sembahyang Fardu Maghrib, sekiranya dia kluatir jika dia menyempurnakan sembahyang sunatnya dia tidak akan sempat mengikuti jemaah sebelum imam memberi salam, maka dalam hal ini, sunat dan lebih utama baginya menyempurnakan sembahyang sunatnya itu untuk mengikut jemaah Sembahyang Fardu Maghrib bagi meraih kelebihan mengerjakan sembahyang secara berjemaah.

Bagaimanapun, sekiranya kuat sangkaannya bahawa akan ada jemaah Sembahyang Maghrib yang lain selepas itu, maka dalam hal ini sunat dan lebih utama baginya menyempurnakan sembahyang sunatnya terlebih dahulu dan kemudian bolehlah dia mengikuti jemaah Sembahyang Fardu Maghrib yang kedua itu.

منجو كريضاءن الله

MENUJU KEREDAAN ALLAH

کلوان فوسة دعوه اسلامیه

KATAKNLAH : "Sesungguhnya Tuhanku meluaskan kurnia rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya antara hamba-hamba-Nya dan menyempitkannya (kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya), dan apa sahaja yang kamu belanjakan (untuk kebaikan) maka Allah akan mengantikannya dan Dialah sebaik-baik pemberi rezeki."

Surah Saba : 39

Setiap manusia telah disediakan rezeki oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Rezeki ini tidak hanya mejurus pada wang ringgit semata-mata tetapi pengertiannya amat luas sekali merangkumi kesihatan yang baik, memiliki ketenteraman jiwa, keluarga bahagia dan hal lain tanpa kita sedari. Masyarakat khususnya orang-orang Islam semestinya kita bersyukur atas apapun yang Allah Subhanahu Wata'ala telah anugerahkan kepada kita, iaitu pengurniaan rezeki tanpa batasan.

"Dan jika kamu menghitung nikmat Allah tentulah kamu tidak dapat menghitung banyaknya. Sesungguhnya Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih."

Surah an-Nahl : 18

Secara lazimnya, setiap individu menghabiskan sebahagian besar kehidupan dengan mencari rezeki dan sekiranya kita sertakan dengan niat yang ikhlas dan mengikut hala tuju yang dianjurkan oleh Islam maka ia dianggap sebagai ibadah kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Dalam usaha mencari rezeki ini banyak yang telah dipermudahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kerana Allah Subhanahu Wata'ala bersifat Maha Pemberi, oleh itu janganlah kita sampai terlalai kepada-Nya setelah mendapat kurniaan rezeki dari Allah Subhanahu Wata'ala.

"Dan Dia mengurniakannya rezeki dari arah yang tidak terlintas di fikirannya. Dan sesiapa yang bertawakal kepada Allah maka cukuplah Allah itu baginya. Sesungguhnya Allah melaksanakan urusanNya. Allah telah menetapkan ketentuan bagi tiap-tiap sesuatu."

Surah ath-Thalaq : 3

Ini bermakna, rezeki ialah segala apa yang dikurniakan oleh Allah yang bermanfaat

baik dalam bentuk fizikal seperti gaji, pendapatan, keuntungan perniagaan, rumah, kenderaan, anak pinak dan sebagainya. Atau pun dalam bentuk rohani seperti kesihatan, kecerdikan, ketenangan, kejayaan, kebahagiaan dan seumpamanya. Konsep rezeki tidak terbatas sekadar pendapatan atau gaji semata-mata tetapi merangkumi keseluruhan pemberian Allah. Pendapatan boleh diperoleh mengikut kemampuan usaha manusia tetapi rezeki diberikan mengikut keluasan dan ketentuan Allah Subhanahu Wata'ala juga.

Kita wajib meyakini bahawa setiap manusia dalam dunia ini mempunyai rezeki yang berbeza-beza. Ada yang mendapat rezeki dalam bentuk material seperti kenaikan pangkat atau jumlah pendapatan yang banyak. Terdapat juga mereka yang gajinya tidak besar tetapi memperoleh rezeki dalam bentuk ketenangan hati, kesihatan yang baik, keluarga yang harmoni, anak-anak yang pintar dan sebagainya. Justeru, niat bekerja sebagai satu ibadah yang dilakukan kerana Allah akan membentulkan hati manusia untuk melihat rezeki yang diperoleh itu adalah kurniaan Allah semata-mata dan ianya bukan daripada manusia.

"Katakanlah (wahai Nabi Muhammad) : "Sesungguhnya Tuhanku meluaskan kurnia rezeki kepada sesiapa yang dikehendakiNya dan menyempitkannya (kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya) tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahuinya."

Surah Saba : 36

Ada segelintir masyarakat yang beranggapan dan berpendapat bahawa rezeki hanya dalam bentuk wang dan harta bagi menjamin kesenangan dan kebahagiaan hidup, oleh itu manusia berlumbalumbal mencari wang dan harta sehingga kadangkala melangkaui batasan halal dan haram yang ditetapkan oleh syarak. Sanggup melakukan penipuan, rasuah mahupun penganiayaan semata-mata untuk memperoleh keuntungan wang ringgit dan habuan.

"Dan kalau lah penduduk sebuah negeri itu beriman dan bertakwa tentulah Kami akan melimpahkan kepada mereka berkat dari langit dan bumi tetapi mereka mendustakan (rasul-rasul Kami) lalu Kami menimpakan mereka (dengan azab) disebabkan apa yang mereka telah usahakan."

Surah al-Araf: 96

Luasnya rezeki kurniaan-Nya

56 peserta bertanding pada separuh akhir Musabaqah Membaca Al-Quran



PESERTA qari dan qariah memperdengarkan bacaan Al-Quran mereka pada Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan yang berlangsung di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa (kiri dan kanan).



BERAKAS, Selasa, 8 Januari. - Seramai 56 peserta akan bertanding di Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan pada tahun ini.

Dari jumlah tersebut, seramai 26 peserta terpilih melalui

Musabaqah Peringkat Daerah dan Masjid yang telah diadakan di Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Jerudong.

Manakala, 30 peserta lagi adalah daripada Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir dan Akhir Kebangsaan 1439 Hijrah/2018 Masihi pada tahun lepas.

Sehubungan itu, seramai 25 peserta memperdengarkan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran pada hari pertama musabaqah berkenaan yang berlangsung di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Pegawai

KALANGAN penuntut sekolah yang hadir bagi menyaksikan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1440 Hijrah/2019 Masihi.

Berita dan Foto :
Marlinawaty Hussin

Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Abdul Malik bin Haji Jumat.

Musabaqah peringkat separuh akhir itu akan diadakan selama tiga hari, yang mana Majlis Pengumuman Keputusan dan Penyampaian Cenderamata Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1440 Hijrah/2019 Masihi akan berlangsung pada 10 Januari nanti.

Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan merupakan laluan permulaan dan medan untuk para qari dan qariah negara melangkah ke peringkat serantau dan antarabangsa.

Penganjuran musabaqah ini dihasilkan agar dapat memberikan pendedahan dan galakan kepada qari dan qariah negara ini dalam meningkatkan mutu pembacaan Al-Quran mereka, di samping membuka minda dan minat masyarakat berjinak-jinak dalam mempelajari teknik bacaan yang betul dan lebih teratur.

Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan adalah projek tahunan KHEU yang diadakan secara berperingkat-peringkat.

Pementasan teater berimpak bermakna



PEMENTASAN teater 'Takdir' yang berlangsung di Dewan Silaturahim, Tingkat I, Pusat Belia bersempena dengan Malam Minggu Pusat Belia (MMPB).

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 Januari. - Sambutan yang menggalakkan dan positif dari lebih kurang 150 penonton yang hadir menyaksikan pementasan teater 'Takdir' telah memberikan impak yang bermakna, di mana ia menunjukkan bahawa pementasan tempatan juga mendapat tempat di hati para penonton di Brunei.

Bukan hanya sekadar menjadi wadah hiburan, namun unsur-unsur pengajaran dan pengupasan isu-isu sosial dalam masyarakat dan institusi kekeluargaan membuatkan 'Takdir' menjadi senang difahami dan relevan untuk ditonton. Dengan adanya pementasan teater seperti ini, ianya diharap agar dapat membuka mata dan minda para penonton tentang realiti kehidupan dan pengajaran yang boleh diambil daripadanya.

Pementasan teater 'Takdir' ini telah berlangsung pada malam 5 Januari 2019 di Dewan Silaturahim, Tingkat I, Pusat Belia bersempena dengan Malam

Minggu Pusat Belia (MMPB) yang diunggulkan oleh Pusat Belia dan disokong oleh Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sinopsis 'Takdir' memuatkan kisah seorang wanita muda, Nishya, yang berjaya dalam kerjayanya namun tertekan dengan kesepian setelah kematian ibunya. Keadaan bertambah buruk ketika dia berjuang dengan cinta terlarang kerana masa lalu keluarga.

Apa sebenarnya yang berlaku yang telah disimpan oleh keluarganya setelah sejauh lama? Keberanian cerita ini merangkumi isu-isu keluarga yang sering disimpan dalam masyarakat.

Melalui cerita yang dikemukakan oleh 'Takdir', diharapkan dapat mencipta dan menyebarkan kesedaran mengenai institusi kekeluargaan yang rosak dan bagaimana kesannya dapat mendorong seseorang ke dalam kemurungan atau bahkan membunuh diri.

Dengan kejayaan 'Takdir', Sutera

Memento berharap agar lebih ramai lagi anak tempatan bergiat aktif dalam bidang pementasan dan pengisian cerita lokal yang sekali gus akan menarik lebih ramai penonton pementasan lokal di masa akan datang.

Dengan keterlibatan bersama MMPB, Sutera Memento akan mengadakan lagi beberapa aktiviti di Pusat Belia pada setiap hari Sabtu pertama pada setiap awal bulan, iaitu merangkumi bengkel, seminar, mini produksi dan sebagainya. Selain itu juga Sutera Memento akan bergiat aktif di luar lingkungan MMPB dan berharap peminat seni kreatif dan pementasan teater akan sentiasa menyokong dan menerima karya-karya tempatan.

Salah seorang daripada penonton yang hadir ingin digelar sebagai 'Honey Bee' telah memberikan ulasan mengenai dengan pementasan teater 'Takdir' tersebut dan menyifatkannya satu pementasan drama yang hebat yang jarang sekali diadakan di negara kitani yang mengisahkan tentang kehidupan berumahtangga

yang mungkin dihadapi segelintir individu di negara kitani yang kita tidak ketahui.

Baginya, ia merupakan satu pengalaman baharu yang tidak pernah menyaksikan dengan mata saya sendiri cara pementasan drama di negara ini yang berlangsung selama dua jam dalam keadaan yang begitu mendebarkan dan disertakan dengan lampu-lampu dan muzik-muzik yang bersesuaian dengan jalan cerita tersebut.

Jalan plot drama tersebut sangat menarik dan kesudahannya memang tidak disangka. Pementasan drama tersebut berjaya membuat penontonnya terpesona dari awal hingga ke akhirnya. Saya berharap lebih ramai lagi anak seni kitani berkecimpung di dunia pementasan seperti yang telah saya tonton, lebih-lebih lagi pementasan drama yang mengisahkan kehidupan sehari-hari kitani yang mungkin tidak

diketahui, walaupun cerita pementasan tersebut tidak ada kena mengena dengan mana-mana pihak tapi ia mungkin sahaja terjadi terhadap individu tertentu yang tidak diketahui.

Sutera Memento percaya bahawa karya tempatan mampu diangkat dan bersaing dengan karya luar dengan menambah keunikan elemen calak Brunei dan berlandaskan lunas-lunas Melayu Islam Beraja (MIB).

Sesi *meet-and-greet* juga diadakan selepas pementasan, agar dapat memberi peluang kepada penonton untuk berinteraksi lebih dekat dengan para pendukung watak 'Takdir'.

Maklumat lebih lanjut mengenai pementasan teater, bengkel teater dan aktiviti-aktiviti yang akan datang dari Sutera Memento, boleh menghubungi talian hotline di +673 880 3448, atau melalui akaun media sosial di Facebook, Instagram dan Twitter di @suteramemento.



ANTARA penonton yang hadir menyaksikan pementasan teater 'Takdir'.

ITQSHHB terima 60 pelajar baharu Tahun 7

Berita dan Foto :
Marlinawaty Hussin

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 Januari. - Seramai 60 pelajar mendaftar bagi sesi kemasukan pelajar baharu Tahun 7 Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) untuk Sesi 2019 Masihi / 1440 Hijrah.

Daripada jumlah tersebut, seramai 21 pelajar lelaki mendaftar bagi sesi kemasukan yang diadakan di Dewan Serbaguna, Blok Asrama Lelaki, ITQSHHB, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

Manakala, seramai 39 pelajar perempuan mendaftar di Lobi Asrama Perempuan, Bangunan Kondominium Ong Sum Ping, ITQSHHB.

Para pelajar baharu berkenaan hadir bersama ibu bapa atau penjaga masing-masing, seterusnya mereka ditempatkan di bilik-bilik asrama yang disediakan sepanjang pengajian mereka di institusi berkenaan.

Setiap pelajar dikehendaki untuk tinggal di asrama sepanjang pengajian mereka di ITQSHHB dan dibenarkan untuk pulang ke rumah masing-masing sekali dalam seminggu juga pada hari-hari kelepasan awam.

Ini bertujuan bagi mendidik para pelajar supaya lebih berdikari, berdisiplin dan menyesuaikan diri masing-masing dalam suasana pembelajaran hafazan Al-Quran



ANTARA pelajar perempuan yang mendaftar di Lobi Asrama Perempuan, Bangunan Kondominium Ong Sum Ping, ITQSHHB dan antara pelajar baharu Tahun 7 perempuan ITQSHHB pada hari pertama berada di bilik asrama mereka (kanan dan kiri).

juga akademik yang lebih kondusif.

Beberapa aktiviti diatur di sepanjang Minggu Ta'aruf atau Minggu Suai Kenal institusi tersebut bermula hari ini hingga Sabtu, 12 Januari nanti.

Antara aktiviti yang akan dijalankan adalah bengkel hafazan Al-Quran, bengkel murattal, taklimat keselamatan dan aktiviti senaman.

ANTARA pelajar lelaki yang mendaftar ditemani oleh ibu bapa mereka.




APAKAH DIA OSTEOPOROSIS?

Osteoporosis ialah penyakit di mana tulang-tulang menjadi nipis, rapuh dan lemah. Ia berlaku disebabkan oleh hormon yang berkurangan dalam badan. Ia kebanyakannya berlaku di kalangan wanita selepas menopos (putus haid).

AWDA BERISIKO TINGGI UNTUK MENGALAMI OSTEOPOROSIS JIKA AWDA:

- Meningkat usia.
- Mengalami menopos (bagi wanita).
- Mengambil pemakanan yang mengandungi kurang kalsium atau Vitamin D.
- Mempunyai ahli keluarga yang mengalami osteoporosis.
- Mempunyai kurang berat badan.
- Selepas menjalani pembedahan "Oophorectomy" (pembuangan ovarи).
- Kurang melakukan kegiatan fizikal.
- Mengambil alkohol secara berlebihan.



AWDA BOLEH MELINDUNGI DIRI DARI OSTEOPOROSIS MELALUI

1. **Mengamalkan cara hidup sihat :**
 - Makan makanan yang kaya dengan kalsium seperti susu, taufu, kekacang dan sayur-sayuran.
 - Lakukan senaman secara tetap dan berterusan seperti berlari, berjalan laju, senam robik dan menunggang basikal.
 - Kurangkan pengambilan minuman bergas, teh atau kopi.
 - Elakkan makanan yang terlalu masin.
2. **Dedahkan diri kepada cahaya matahari pagi jika perlu (sebagai sumber Vitamin D yang membantu menyerap kalsium dalam badan).**

Sumber : Kementerian Kesihatan, Negara Brunei Darussalam www.moh.gov.bn

Tujuh hari tanpa beg plastik terlaksana



DAYANG Syahirah binti Matusin, salah seorang Juruwang di Kedai Serbaneka Leong Wui.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 Januari. - Kejayaan dalam merealisasikan hasrat untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam ini bebas dari pencemaran plastik, bergantung sepenuhnya dari tindakan semua pihak, terutama sekali pihak pasar raya dan gedung-gedung perniagaan, pemilik kedai runcit dan orang ramai yang jadi pengguna beg plastik.

Setiap Hari Tanpa Beg Plastik telah bermula pada 1 Januari 2019 dan telah menjadikannya tujuh hari seminggu tanpa beg plastik.

Dayang Syahirah binti Matusin, salah seorang Juruwang di Kedai Serbaneka Leong Wui ketika ditemui berkata, orang ramai, khususnya para pengguna, memberikan kerjasama yang sangat baik dengan menggunakan beg-beg kitar semula semasa membeli belah di pasar raya berkenaan.

Sementara itu, Dayangku Nor Paduka Fathinah binti Pengiran Zainal Ariffin berkata, penambahan Isnin sebagai hari tanpa beg plastik dengan hari yang



DAYANGKU Nor Paduka Fathinah binti Pengiran Zainal Ariffin.

sebelumnya, tidak ada banyak perbezaan, kerana sudah terbiasa menggunakan beg kitar semula.

"Sebagai pengguna, saya sudah terbiasa membawa beg kitar semula saya sendiri apabila membeli belah di gedung-gedung perniagaan dan ini adalah inisiatif



ORANG ramai memberikan kerjasama yang baik dengan menggunakan beg-beg kitar semula.

Orang ramai dialu-alukan sertai Kursus Asas Haji

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 Januari. - Kementerian Hal Ehwal ugama menerusi Jabatan Urusan Haji buat julung kalinya akan mengadakan Kursus Asas Haji yang dibukakan kepada orang ramai yang ingin meningkatkan ilmu pengetahuan mengenai ibadah fardu haji, khususnya kepada mereka yang berhasrat menunaikan fardu haji serta permohonan yang mendaftar untuk menunaikan fardu haji dan dimasukkan dalam senarai menunggu.

Kursus Asas Haji antara lain

akan memberi penerangan mengenai ibadah haji dan umrah, serta pengenalan dan sejarah Tanah Suci Makkah Al Mukarramah dan Madinah Al Munawwarah.

Kursus akan diadakan pada setiap Ahad bermula jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi pada 13, 20, 27 Januari 2019 dan 3, 10, 17 Februari 2019 bertempat di pusat-pusat kursus haji di keempat-empat daerah.

Di Daerah Brunei Muara pusat-pusat tersebut ialah di Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah,

Kampung Kiarong; Masjid Mohammad Bolkiah, Kampung Serusop; Masjid Hassanal Bolkiah, Kampung Mentiri dan Masjid Sultan Sharif Ali, Kampung Sengkurong.

Di Daerah Belait diadakan di Masjid Mohammad Jamalul Alam sementara di Daerah Tutong dan Daerah Temburong masing-masing diadakan di Masjid Pengiran Anak Haji Mohammad Alam, Sengkarai dan di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Sebarang pertanyaan mengenainya boleh diajukan melalui e-mel ke juh.kheu@mora.gov.bn.

Program Peningkatan Kesedaran Mengenai Halal

semua lapisan masyarakat, termasuk peringkat institusi pengajian tinggi, agensi-agensi kerajaan mahupun syarikat-syarikat swasta.

Sehubungan itu, orang ramai yang berkeinginan untuk menyertai program ini boleh membuat pendaftaran secara atas talian (*online*) melalui pautan <https://goo.gl/HCK7M>.

Para peserta akan diberikan penerangan mengenai prinsip halal dari sudut hukum dan aspek

kebersihan, keselamatan makanan dan aspek kebersihan makanan dan keselamatan selain produk makanan.

Sebarang maklumat lanjut mengenainya, orang ramai boleh menghubungi Bahagian Kawalan Makanan Halal melalui talian +673 2242570; emel bkmh@mora.gov.bn; Facebook : Bahagian Kawalan makanan halal, JHES, KHEU; Instagram : [@halal.bn](https://www.instagram.com/@halal.bn) dan laman sesawang www.kheu.gov.bn.

Berita dan Foto : Aimi Sani

yang sangat baik oleh pihak kerajaan dalam mendidik orang ramai untuk mengurangkan penggunaan beg plastik," ujarnya.

Inisiatif Hujung Minggu Tanpa Beg Plastik (No Plastic Bag Weekend) telah dilancarkan pada 26 Mac 2011 di mana penggunaan beg plastik tidak dibolehkan pada hujung minggu.

Tujuan inisiatif ini diungkapkan oleh Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) untuk mengurangkan penggunaan beg plastik dan seterusnya mempromosikan penggunaan beg guna semula apabila membeli-belah.

Manakala sokongan dan kerjasama dari gedung-gedung perniagaan utama di negara ini dengan tidak menyediakan beg-beg plastik untuk pelanggan di hujung minggu juga membantu keberkesanan inisiatif ini.

Alert List AMBD dikemas kini

Siaran Akhbar : Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Dari muka 8

AMBD akan terus mementingkan kestabilan kewangan Negara Brunei Darussalam dan mengutamakan perlindungan sistem kewangan dan kepentingan penggunaan kewangan di Negara Brunei Darussalam, di samping terus

memantau sebarang aktiviti kewangan yang mencurigakan atau tidak berlesen di Negara Brunei Darussalam.

Orang ramai mempunyai sebarang maklumat mengenai aktiviti yang tidak berlesen, boleh menghubungi AMBD melalui talian +673 2380007 atau memalui emel fci@ambd.gov.bn.

Sistem Smart Q memudahkan orang ramai berurus

Berita dan Foto : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 Januari. - Masalah menunggu giliran yang lama dan kekecewaan kerana tidak mendapat nombor giliran bagi sesuatu permohonan seperti pendaftaran kad pengenalan baharu telah berakhir apabila Sistem Smart Q telah dilaksanakan sepenuhnya.

Sistem tersebut membolehkan orang ramai merancang dan seterusnya menempah slot giliran atau barisan lebih awal mengikut tarikh dan masa yang sesuai mengikut keperluan masing-masing.

Ia memudahkan orang ramai berurus di beberapa buah jabatan di negara ini iaitu Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), Jabatan Perkhidmatan Pos dan Pusat Pemeriksaan Kesihatan tanpa perlu menghadapi masalah menunggu giliran yang lama dan kekecewaan kerana tidak memperolehi nombor giliran seperti yang berlaku sebelum ini.

Dayang Nurul Huda binti Begawan Mudim Haji Sapar ketika ditemui Pelita Brunei menyatakan beliau belum lagi mencuba menggunakan sistem tersebut memandangkan beliau belum lagi mempunyai apa-apa urusan yang berkaitan dengan jabatan yang menyediakan Smart Q.

"Tetapi apa yang saya tahu sistem ini mempunyai banyak manfaat terutama sekali kepada orang ramai yang sering mempunyai urusan dengan pihak JIPK dan Pusat Pemeriksaan Kesihatan seperti mereka yang selalu menguruskan pekerja-pekerja asing. Ini adalah sebagai kemudahan orang ramai untuk berurus dan membuat permohonan bagi mendatangkan pekerja asing diuruskan dan diproses di satu tempat sahaja," katanya.

Menurutnya, selepas ini kita tidak perlu lagi beratur atau menunggu lama kerana apa yang beliau difahamkan, dengan adanya Smart Q kita boleh memilih tarikh dan jam mengikut slot yang disediakan tanpa keraguan.

Seua urusan akan lebih lancar katanya dan tidak perlu membuang banyak masa dengan menunggu giliran dan sebagainya.

Bagi Dayang Norhabibah binti Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustafa, Smart Q telah memudahkan urusan beliau semasa membaharui lesen memandunya di Pusat Pemprosesan Mel, Jabatan Perkhidmatan Pos.

"Tepat pada waktu yang ditempah, saya hanya datang terus dan bertemu dengan kakitangan yang bertugas di kaunter tanpa menunggu giliran sekaligus meneruskan urusan pembaharuan lesen memandu saya," ujarnya.

Sistem ini katanya sangat membantu agar masa kita tidak terbuang begitu sahaja yang disebabkan oleh menunggu giliran nombor dan sebagainya.

Seua inisiatif dan pembaharuan yang dilakukan oleh pihak kerajaan itu tambahnya, bertujuan untuk meningkatkan lagi tahap dan kualiti pemberian perkhidmatan kepada orang ramai yang berurus di jabatan-jabatan kerajaan.

Aplikasi mudah alih, Smart Q itu direka untuk memudahkan orang ramai mendapatkan perkhidmatan kad pengenalan secara efisien dan produktif serta mengurangkan waktu yang terbuang bagi pelanggan.

Orang ramai bolehlah memuat turun Sistem Smart Q di mana sistem berkenaan menggunakan aplikasi 'QueUP' yang boleh didapati daripada Appstore atau Googleplay.



DAYANG Nurul Huda binti Begawan Mudim Haji Sapar.



DAYANG Norhabibah binti Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustafa.


**IKLAN JAWATAN-JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**
PENGIKLANAN JAWATAN MENURUT PERATURAN 7(a) - GAJI HARI
IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI
TARIKH IKLAN : 9 JANUARI 2019. TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 23 JANUARI 2019. BILANGAN IKLAN : 01 / 01 / 2019 (SPA / BIKL)
PENGAMBILAN BERGAJI HARI
Syarat-Syarat Am :

- A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- B) Pemohon mempunyai pengetahuan klasik agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- C) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- D) Cara permohonan - Rujuk di ruang **PEMBERITAHUAN**.

**GH 1. PEGAWAI PENYELIDIK
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI
B.2 EB.3 (BAHAGIAN II)
KEKOSONGAN = SATU (01)**
KELAYAKAN MINIMUM :

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding.
- Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
2. Kebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.
3. Kebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Asing adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB :

1. Meningkatkan kepentingan Negara melalui perhubungan dengan Negara-Negara lain di peringkat dua hala, serantau dan antarabangsa dan juga melalui pertubuhan-pertubuhan berbagai hala yang mana Negara Brunei Darussalam telah menjadi ahli.
